

19/07/2000

PM beri sokongan penuh

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Jawatankuasa Penilaian Majlis Olimpik Asia (OCA) bahawa Kerajaan Malaysia menyokong sepenuhnya penawaran Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Jaminan itu disampaikan secara peribadi dalam pertemuan singkat penuh bermakna dengan delegasi jawatankuasa itu, diketuai Naib Presiden, Muhammad Latif Butt di Pejabat Perdana Menteri di Putra Jaya, semalam.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan tiga lagi anggota jawatankuasa itu, Dr Muwaffak Fawaz, Santiparb Tejavanija dan Vinod Kiwari.

"Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menyatakan jaminan kepada jawatankuasa ini bahawa kerajaan menyokong sepenuhnya penawaran kita untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006," kata Hishammuddin dalam sidang akhbar selepas mesyuarat terakhir bersama jawatankuasa itu di Renaissance Palm Garden, Putra Jaya.

Sokongan Perdana Menteri itu jelas meninggalkan kesan mendalam di kalangan delegasi itu kerana mereka berasa bangga dapat bertemu pemimpin yang begitu dikagumi.

Yang lebih penting, jaminan sokongan Dr Mahathir itu sudah pasti akan dimasukkan ke dalam laporan jawatankuasa penilaian ini, sekali gus menjadi aset dalam menyokong dan menguatkan penawaran Kuala Lumpur 2006.

Anggota Jawatankuasa Penilaian Majlis Olimpik Asia (OCA), Dr Muwaffak Fawaz, tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya selepas berpeluang menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkannya sebagai pemimpin agung Asia.

Menurutnya, Dr Mahathir, dalam pertemuan itu, antara lain menyatakan hasratnya untuk menyaksikan Kuala Lumpur menjadi Sukan Asia 2006 ialah kerana temasya ini boleh mengelakkan generasi muda daripada terbabit dalam gejala negatif.

"Ini adalah hasrat yang murni. Jaminan sokongan yang diberikan Perdana Menteri itu sudah pasti akan dimasukkan dalam laporan jawatankuasa ini," katanya.

Rakannya, Vinod pula berkata, setiap sokongan yang diberikan oleh Dr Mahathir terhadap penawaran Kuala Lumpur 2006 akan dinyatakan dalam laporan mereka kepada lembaga eksekutif OCA.

Menurut Muwaffak, ini adalah pertama kali jawatankuasa penilaian ini dibawa berjumpa pemimpin negara yang bertanding. Dalam lawatan ke Doha (Qatar) dan New Delhi (India) sebelum ini, jawatankuasa ini sekadar berjumpa Ketua Menteri atau Menteri Sukan negara terbabit.

Sementara itu, Hishammuddin berkata beliau akan mengadakan kunjungan ke Timur Tengah ke beberapa negara yang belum dilawati dalam tempoh empat bulan sebelum Majlis OCA membuat pemilihan tuan rumah.

(END)